

# Arkib khas pameran sejarah sekolah

BH-16/5/2007

## Pusat didirikan di Kompleks Pendidikan Nilai papar evolusi perguruan negara

Oleh Srihanasham Noordin

**J**OHOR BAHRU: Kerajaan akan membangunkan arkib guru, pusat pengumpulan dan pameran bahan sejarah pendidikan serta profesion perguruan di Kompleks Pendidikan di Nilai, Negeri Sembilan, yang pembinaannya dijangka bermula akhir tahun ini.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata arkib guru itu membolehkan semua sekolah dan institut perguruan mempamerkan bahan sejarah serta artifak masing-masing di satu lokasi.

Katanya, pembinaan arkib itu berikutan kesedaran kementerian mengenai kewujudan pelbagai bahan sejarah yang ada antaranya berusia 100 tahun, yang tersimpan di banyak institusi pendidikan.

"Institut perguruan dan sekolah berkenaan pasti berbangga dengan bahan sejarah yang ada tetapi tiada tempat mempamerkannya. Jadi, kementerian menyediakan arkib guru bagi membolehkan pameran bermusim diadakan untuk mereka berkongsi bahan sejarah dengan orang ramai," katanya selepas merasmikan Pameran Kecemerlangan Pendidikan 2007 di Persada Johor, di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, selain pameran bermusim, arkib itu akan menyimpan sebahagian artifak pendidikan secara kekal yang membolehkan orang ramai membuat kajian evolusi pendidikan guru serta kerjaya perguruan negara sepanjang tahun.

Beliau berkata, kementerian mempunyai bahan di semua 27 institut



**NILAI SEJARAH:** Hishammuddin menunjukkan gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika beliau belajar di Tingkatan Tiga Sekolah Tinggi Bukit Mertajam pada 1955 yang dipamerkan sempena Hari Guru 2007 di Persada Johor, semalam.

### FAKTA NOMBOR

Kompleks Pendidikan Nilai

**RM1.3b**

Kos pembinaan

**RM600j**

Peruntukan fasa pertama

pendidikan guru (IPG) di seluruh negara dan Bahagian Pendidikan Guru sudah diarahkan meneliti bahan sejarah berkenaan untuk memantapkan pengisian di arkib itu.

Kompleks Pendidikan Nilai yang akan merangkumi pusat latihan perguruan, arkib guru dan rangkaian sekolah menengah premier antara kemudahan bakal diwujudkan di Kompleks Pendidikan Nilai yang secara keseluruhan bernilai RM1.3 bilion.

Pembinaan kompleks serba cang-

gih di Nilai itu akan dilaksanakan dalam dua fasa dengan fasa pertama membabitkan peruntukan RM600 juta daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Sementara itu Hishammuddin berkata, Pameran Kecemerlangan Pendidikan 2007 diadakan pada skala besar dan menjadi program peringkat kebangsaan untuk menunjukkan semua inisiatif, program serta pencapaian pihak berkaitan pendidikan.

Katanya, konsep pameran tahun ini

berkaitan sambutan 50 tahun kemerdekaan Malaysia dan dibahagikan kepada era sebelum merdeka seawal tahun 1800-an dan selepas merdeka.

"Pengunjung juga dapat melihat sejarah kumpulan awal guru yang mengikuti latihan perguruan di luar negara iaitu di Kirkby dan Brinsford Lodge, United Kingdom selain mempamerkan perkembangan pendidikan negara serta peristiwa penting menjadi dasar setiap perubahan dalam sistem pendidikan," katanya.